



**GAMBAR KENANGAN:** Prof. Madya Wan Shawaluddin (kanan) bergambar bersama para pelajar program Hubungan Antarabangsa UMS yang terlibat dalam menjayakan lawatan Delegasi Kerjaya dan Akademik.

## Pelajar Hubungan Antarabangsa UMS adakan lawatan Delegasi Kerjaya dan Akademik

UB 15.2.2020 4

**KOTAKINABALU:** Seramai 18 pelajar Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan siri lawatan ke beberapa agensi di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bagi menjayakan Program Delegasi Kerjaya dan Akademik baru-baru ini.

Menurut pemsarah kanan FKSW, Prof. Madya Wan Shawaluddin Wan Hassan, program julung kali yang melibatkan pelajar program Hubungan Antarabangsa ini adalah selaras dengan objektif memartabatkan para pelajar universiti di peringkat global selain mewujudkan jalinan perkongsian kerjaya antara peserta program dengan pegawai pen-

tadbiran diplomatik.

“Ini juga memberi ruang dan peluang kepada pelajar bagi menimba ilmu dan pengalaman baharu ke arah pemilihan kerjaya pada masa hadapan.

“Program pada kali ini melibatkan lawatan ke lima agensi iaitu Institute of Strategic and International Studies (ISIS), Migrant CARE, International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC-IIUM), Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SE-ARCTT), dan Kementerian Luar Negeri Malaysia (Wisma Putra),” katanya.

Dalam pada itu, pengarah program, Delovera Daukin menjelaskan tujuan lawatan agensi tersebut adalah untuk

memberikan pendedahan kepada para pelajar Hubungan Antarabangsa terhadap beberapa aspek signifikan iaitu berkaitan akademik dan kerjaya, ancaman domestik antarbangsa malahan tentang isu semasa berkaitan dengan keganasan pekerja buruh.

“Kunjungan hormat ini juga menerima sambutan yang memberangsangkan dari setiap agensi yang dilawati.

“Program selama empat hari ini secara tidak langsung telah memberigambaran yang lebih jelas tentang prospek kerjaya yang amat penting bagi mencari pekerjaan di luar kelak di samping membuka mata setiap peserta terhadap isu semasa yang berlaku dasawarsa ini,” ujar Delovera.